

21 MAR 1997

Mozambique-Malaysia

MOZAMBIQUE AKAN BEKERJASAMA DENGAN KEDUTAAN MALAYSIA DI HARARE

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Mozambique akan mendapatkan kerjasama Kedutaan Malaysia di Harare bagi memastikan hanya syarikat dan firma sah dari negara ini diberi peluang menjalankan projek besar di negara itu.

Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano berkata Kedutaan Malaysia juga patut menasihatkan Mozambique mengenai cara terbaik berurusan dengan syarikat Malaysia.

Beliau berkata kedutaan itu juga perlu memberi amaran kepada negaranya mengenai hubungan niaga yang tidak memberi faedah kepada negaranya dan juga kepada perhubungan kedua-dua negara.

"Kedutaan itu diwujudkan untuk menjalin suasana yang baik dalam perhubungan antara Malaysia dan Mozambique. Kedutaan di Harare (Zimbabwe) itu juga merupakan kedutaan untuk Mozambique," kata Chissano dalam persidangan berita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta negara-negara seperti Mozambique menghubungi kedutaan Malaysia untuk memeriksa kewibawaan firma Malaysia yang akan menjalankan projek-projek besar di negara mereka bagi mengelak daripada berurusan dengan golongan yang tidak jujur.

Perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat delegasi antara Dr Mahathir dan Chissano di Jabatan Perdana Menteri semalam. Ia merupakan pertama kali Dr Mahathir berbincang membangkitkan isu dalam pertemuannya dengan seorang pemimpin asing.

Ketika ditanya sama ada Mozambique pernah menghadapi masalah berurusan dengan syarikat Malaysia, Chissano berkata: "Buat masa ini, kami tidak menghadapi sebarang masalah."

Chissano, yang mengetuai delegasi 34 orang termasuk beberapa menteri dan ahli perniagaan untuk lawatan rasmi empat hari, berkata Mozambique akan mengikuti dasar penswastaan Malaysia dan belajar melalui pengalaman negara ini melaksanakannya.

"Kami juga belajar mengenai sektor swasta Malaysia yang dinamik dan kepentingan hubungannya dengan kerajaan sewaktu lawatan ke beberapa agensi di sini," katanya. Antara tempat yang dilawatinya ialah Unit Perancang Ekonomi dan kilang Proton.

"Kami diberi pendedahan tentang bagaimana Malaysia berubah dengan cepat daripada negara pertanian kepada kuasa industri rantau ini," katanya.

Mengenai pelaburan Malaysia di Mozambique, Chissano berkata terdapat reaksi positif dan kepastian daripada ahli perniagaan Malaysia untuk melabur di negara itu dan mereka akan mula melawat Mozambique bulan depan.

"Ada di antara mereka melahirkan keinginan untuk melabur dalam bidang pelancongan, pembinaan hotel dan projek pertanian. Saya yakin melalui pertemuan antara ahli perniagaan kedua-dua negara, lebih banyak cadangan yang akan diterima," katanya.

Chissano menyifatkan pertemuannya dengan Dr Mahathir sebagai berhasil dan berlangsung dalam suasana mesra dan produktif.

"Kami berbincang dan mengenal pasti bidang kerjasama dua hala yang boleh ditingkatkan. Kedua-dua negara mempunyai hasrat yang sama iaitu memantap dan meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi, teknikal dan saintifik," katanya.

Katanya hubungan dalam ketiga-tiga bidang itu akan melengkapkan hubungan dalam sektor tenaga, pengangkutan dan komunikasi, pertanian, industri, teknologi dan pelaburan secara am. -- BERNAMA

HS HJ MAI